

D.R. 15/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

3. Lembaga dan objektifnya.
4. Fungsi dan kuasa Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Tempoh jawatan.
7. Anggota silih ganti.
8. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi.
9. Pembatalan dan peletakan jawatan.
10. Pengosongan jawatan.
11. Ketakbertanggungungan anggota Lembaga.
12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
13. Pengkhidmat awam.
14. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
15. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.
16. Perwakilan fungsi, kuasa atau kewajipan Lembaga.
17. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa.

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

Fasal

18. Perlantikan Ketua Pengarah.
19. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat.
20. Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmat.
21. Perwakilan kewajipan Ketua Pengarah.
22. Jawatankuasa tatatertib.
23. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa tatatertib.
24. Kuasa membuat peraturan-peraturan tatatertib.
25. Pengenaan surcaj.
26. Pemberitahuan surcaj.
27. Penarikbalikan surcaj.
28. Mendapatkan surcaj.
29. Keanggotaan Lembaga dalam kes khas.

BAHAGIAN IV

PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN

30. Penubuhan pusat penyelidikan.
31. Fungsi dan kuasa pusat penyelidikan.
32. Akses kepada pusat penyelidikan, dsb.
33. Larangan terhadap pengeluaran semula atau penerbitan.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

34. Kumpulan Wang.
35. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.
36. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
37. Ses atas getah dan keluaran getah.
38. Fee bagi perkhidmatan nasihat teknikal.
39. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN VI

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN LEMBAGA

Fasal

41. Kuasa untuk meminjam.
42. Pelaburan.
43. Kuasa untuk mengambil kerja ejen, dsb.
44. Kuasa untuk memberikan pinjaman.
45. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

46. Pemberian kuasa kepada pegawai.
47. Kuasa penyiasatan.
48. Penggeledahan dengan waran.
49. Senarai benda disita.
50. Perlucuthakan getah, dsb. yang disita.
51. Harta dalam getah, dsb. yang dilucuthak.
52. Kos memegang getah, dsb. yang disita.
53. Tiada kos atau ganti-rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh diperdapatkan.
54. Halangan pegawai diberikuasa.

BAHAGIAN VIII

AM

55. Pengawalseliaan industri getah.
56. Penalti am.
57. Pengkompaunan kesalahan.
58. Permulaan dan perjalanan pendakwaan.
59. Bidang kuasa membicarakan kesalahan.
60. Perlindungan pegawai.
61. Kuasa untuk mengecualikan.
62. Peraturan-peraturan.
63. Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan Akta.

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Fasal

64. Pemansuhan dan pembubaran,
65. Pemindahan kuasa, dsb.
66. Pemindahmilikan harta.
67. Kontrak sedia ada.
68. Pemindahan wang dalam kumpulan wang-kumpulan wang.
69. Keanggotaan Lembaga dibubarkan.
70. Penerusan pegawai dan pengkhidmat.
71. Kecualian bagi perakuan, lesen dan daftar.
72. Penerusan permohonan dsb. yang belum selesai.
73. Penerusan presiding sivil dan jenayah.
74. Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan.
75. Pencegahan anomali.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966; untuk membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Institut Penyelidikan Getah Malaysia; dan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia; untuk menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri getah Malaysia.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang

berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini, atau peruntukan berlainan Akta ini, masing-masingnya di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini*" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"anggota" ertinya seseorang anggota Lembaga dan termasuklah seorang anggota silih ganti;

"dapatan penyelidikan" ertinya apa-apa hasil daripada aktiviti penyelidikan dan kemajuan dan termasuklah rekacipta dan pemajuan dalam apa-apa proses, radas, mesin atau teknik;

"getah" ertinya segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada apa-apa tumbuhan yang menghasilkan lateks dan getah tiruan dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan daripada keluaran petrokimia dan termasuklah segala elastomer yang diterbitkan daripada getah asli atau getah tiruan atau kedua-duanya;

"industri getah" termasuklah pengeluaran getah dan kayu hevea, pemprosesan dan penggunaan getah, pengilangan keluaran getah, dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya;

"keluaran getah" ertinya segala hasil pervulkanan dalam bentuk siap atau separa siap yang diterbitkan keseluruhannya atau sebahagiannya daripada getah;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 18;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Lembaga Getah Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 34;

"Lembaga" ertinya Lembaga Getah Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Pasar Getah Malaysia" ertinya Pasar Getah Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pasar Getah Malaysia (Perbadanan) 1962; *Akta 402*

"pegawai diberikuasa" ertinya—

- (a) seseorang pegawai Lembaga yang diberikuasa di bawah seksyen 46;
- (b) seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor; atau
- (c) seseorang pegawai kastam;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

"pusat penyelidikan" ertinya sesuatu pusat penyelidikan yang ditubuhkan di bawah seksyen 30;

"ses" ertinya ses yang dikenakan di bawah seksyen 37;

"tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang padanya Akta ini, atau jika tarikh yang berlainan ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan berlainan Akta ini, tarikh yang padanya Bahagian IX mula berkuatkuasa.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

3. (1) Maka adalah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Getah Malaysia" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai-janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih

Lembaga dan objektifnya.

atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak pada Lembaga, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(2) Objektif Lembaga adalah—

- (a) untuk memajukan dan membangunkan industri getah Malaysia; dan
- (b) untuk memajukan objektif, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran industri getah Malaysia yang teratur.

(3) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Fungsi dan kuasa Lembaga.

4. (1) Fungsi Lembaga adalah—

- (a) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pembangunan industri getah Malaysia;
- (b) untuk memajukan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kemajuan dalam pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah;
- (c) untuk merancang, menyelaraskan dan mengawasi segala aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah;
- (d) untuk mengawalselia industri getah, khususnya berhubungan dengan urusan mengenai getah, pembungkusan, penggredan, pengkapalan dan pengeksportan getah;
- (e) untuk mengawal dan mengawasi kualiti getah, bahan penanaman getah dan keluaran getah;
- (f) untuk membangunkan, memindahkan, mengeksploitasikan dan memajukan dapatan penyelidikan;
- (g) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, penasihat dan perunding bagi industri getah;
- (h) untuk mentadbir dan menguruskan Kumpulan Wang;
- (i) untuk mengawalselia pasaran getah Malaysia dan menguruskan Pasaran Getah Malaysia;

- (j) untuk merumuskan dan melaksanakan strategi pemasaran antarabangsa bagi industri getah Malaysia;
 - (k) untuk berhubung dan bekerjasama dengan agensi getah di dalam atau di luar Malaysia untuk selanjutnya memperkukuhkan industri getah Malaysia;
 - (l) untuk merancang dan melaksanakan latihan sumber manusia selaras dengan keperluan industri getah;
 - (m) untuk menjadi pusat sumber dan maklumat bagi industri getah; dan
 - (n) untuk menerbitkan atau menganjurkan penerbitan terbitan berkala, buku kecil dan bahan maklumat lain.
- (2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—
- (a) untuk mengakujaji dan menyelaraskan aktiviti berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan dalam pengeluaran, pemakaian, penggunaan dan pemasaran getah dan keluaran getah, dan perkhidmatan yang berhubung dengannya;
 - (b) untuk mentauliahkan mana-mana orang atau pertubuhan untuk menjalankan penyelidikan;
 - (c) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
 - (d) untuk mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi penggunaan apa-apa kemudahan berhubung dengan penyelidikan, penyiasatan, pengujian, nasihat teknikal atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga;
 - (e) untuk memperolehi melalui pembelian, bailmen, permohonan atau selainya, apa-apa hak, keistimewaan atau lesen yang difikirkannya perlu bagi pelaksanaan fungsinya;

- (f) untuk melupuskan melalui penjualan, bailmen atau selainya, atau mendapatkan pulangan daripada atau selainya menguruskan apa-apa hak, keistimewaan atau lesen Lembaga;
- (g) untuk membuat apa-apa rundingan dan perjanjian atau perkiraan yang difikirkannya patut untuk menunaikan fungsinya;
- (h) untuk memberikan perakuan kebolehan berkenaan dengan program latihan dan program yang diakreditasi;
- (i) untuk merancang, menyelaraskan dan mengakujajji apa-apa aktiviti yang difikirkannya perlu bagi maksud melindungi dan melanjutkan kepentingan industri getah Malaysia;
- (j) untuk mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut untuk memberi kesan kepada mana-mana fungsi atau kuasanya; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dan kuasanya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Keanggotaan
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi industri getah;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan;
- (d) seorang wakil Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah;
- (e) seorang wakil sektor pekebun kecil industri getah;
- (f) seorang wakil sektor estet industri getah;
- (g) seorang wakil sektor pemprosesan getah;

- (h) seorang wakil sektor perniagaan getah;
- (i) dua orang wakil sektor pengilangan keluaran getah;
- (j) dua orang wakil daripada mana-mana Negeri yang ditentukan oleh Menteri;
- (k) dua orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pembangunan industri getah; dan
- (l) Ketua Pengarah.

(2) Lembaga hendaklah disifatkan sebagai ditubuhkan dengan sewajarnya walaupun mana-mana anggota yang sepatutnya dilantik di bawah perenggan (1)(j) atau (k) tidak dilantik.

6. Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula. Tempoh jawatan.

7. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(b) hingga (k), melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga yang anggota itu tidak dapat menghadiri atas apa-apa sebab. Anggota silih ganti.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan keanggotaannya atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

Penjalanan
sementara
fungsi
Pengerusi.

8. (1) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga selain daripada Ketua Pengarah untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Sehingga suatu perlantikan di bawah subseksyen (1) dibuat atau jika tiada perlantikan sedemikian atau jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(b) hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, semasa tempoh yang dalamnya dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini disifatkan sebagai Pengerusi.

Pembatalan
dan
peletakan
jawatan.

9. (1) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(2) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri.

Pengosongan
jawatan.

10. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan

kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- (f) sekiranya perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang terpakai.

11. Tiada anggota Lembaga boleh dikenakan liabiliti sendirian bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh perbuatan dalam mentadbirkan hal-ehwal Lembaga, melainkan jika kehilangan atau kerugian itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah yang diniatkan olehnya.

Ketakbertanggungungan anggota Lembaga.

12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau presiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. Akta 198.

13. Semua anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga, semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pengkhidmat awam.

*N.M.B.
Bab 45.*

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.

14. (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan arahan sedemikian.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

15. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai harta dan aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain, suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan presiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pewakilan fungsi, kuasa atau kewajipan Lembaga.

16. (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipannya, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memberikan pinjaman, menubuhkan perbadanan atau membuat peraturan-peraturan, kepada—

- (a) mana-mana anggota Lembaga;
- (b) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga; atau
- (c) mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga,

dan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh anggota, pegawai atau pengkhidmat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan lain dalam Akta ini, Lembaga boleh mewakilkan kepada Ketua Pengarah—

- (a) kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmat Lembaga di bawah seksyen 20; dan
- (b) kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang terletak pada atau yang di bawah kawalan Lembaga sehingga apa-apa had yang ditentukan oleh Lembaga.

17. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, termasuk suatu Jawatankuasa Pengurusan bagi maksud menguruskan Pasaran Getah Malaysia.

Lembaga
boleh
menubuhkan
jawatankuasa.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dengan syarat bahawa mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan sedemikian hendaklah termasuk sekurang-kurangnya seorang anggota Lembaga.

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawalselia prosedurnya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Lembaga,

(4) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang, bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu tetapi orang yang diundang sedemikian tidaklah berhak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(6) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya dan adalah layak dilantik semula.

(8) Perlantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(9) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan notis bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

Perlantikan
Ketua
Pengarah.

18. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Lembaga atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Lembaga hendaklah meletakhakkan pada Ketua Pengarah apa-apa kuasa dan hendaklah mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab bagi—
(a) pentadbiran dan pengurusan sewajarnya hal-ehwal Lembaga;

- (b) penyediaan—
- (i) segala program, skim, projek dan aktiviti;
 - (ii) anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan program tahunan; dan
 - (iii) anggaran pendapatan,
- bagi kelulusan Lembaga;
- (c) pelaksanaan program tahunan Lembaga; dan
- (d) pelaksanaan keputusan dan arahan Lembaga.

(4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(5) Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga.

(6) Dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, Ketua Pengarah hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga.

(7) Jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara atau tak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi, untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah semasa Ketua Pengarah tidak ada atau tak berupaya buat sementara itu.

(8) Bagi maksud subseksyen (7)—

- (a) jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Ketua Pengarah, Lembaga hendaklah menamakan seorang Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan itu; dan
- (b) jika jawatan Timbalan Ketua Pengarah kosong, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain Lembaga untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan itu.

Perlantikan
pegawai dan
pengkhidmat.

19. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (3), Lembaga boleh—

- (a) dengan kelulusan Menteri, melantik sekian bilangan Timbalan Ketua Pengarah;
- (b) melantik sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini,

atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.

(2) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga jika dia, secara langsung atau secara tak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya, mempunyai apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, bagi atau bagi pihak Lembaga.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmatnya.

(4) Perlantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kuasa
memberikan
pinjaman dan
membuat
pendahuluan
kepada
pegawai dan
pengkhidmat.

20. Lembaga boleh memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga.

Pewakilan
kewajipan
Ketua
Pengarah.

21. (1) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Pengarah sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

Jawatankuasa
tatatertib.

22. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pengkhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua

orang sedemikian mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa tatatertib Lembaga berkenaan dengan Ketua Pengarah yang terdiri daripada—

(i) Pengerusi, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan

(ii) sekurang-kurangnya dua anggota Lembaga, tidak termasuk Ketua Pengarah, yang ditentukan daripada kalangan anggota itu sendiri; dan

(b) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.

(3) Yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah perenggan

(2)(b):

(a) jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada sekian bilangan anggota Lembaga, selain daripada Pengerusi Lembaga, atau pegawai Lembaga, atau apa-apa kombinasi anggota dan pegawai itu; dan

(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan (2)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib pegawai dan pengkhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk

mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan apa-apa hukuman tata tertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tata tertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24.

Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib.

23. (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan di bawah perenggan 22(2)(a) bolehlah dirayu kepada Menteri.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan di bawah perenggan 22(2)(b) bolehlah dirayu kepada Lembaga Rayuan Tata tertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dan mempunyai undi pemutus; dan
- (b) tiga anggota Lembaga, yang bukannya anggota jawatankuasa tata tertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(3) Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tata tertib.

(4) Apabila Lembaga Rayuan Tata tertib menimbangkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (2), seorang anggota jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan konklusif.

24. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi tata tertib pegawai dan pengkhidmat Lembaga.

Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
tata tertib.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja;
- (c) hendaklah memberikan kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tata tertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:
 - (i) jika seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
 - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
 - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau

pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti selesainya prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga jika pegawai atau pengkhidmat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat itu.

Pengenaan
surcaj.

25. (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;

- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcraj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcraj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat .belas hari dari tarikh penyampaian notis seperti yang disebut terdahulu, Lembaga boleh—

- (a) dalam hal perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcraikan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan
- (b) dalam hal perenggan (1)(d) dan (e), mensurcraikan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

26. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcraikan berkenaan dengan apa-apa surcraj yang dikenakan di bawah subseksyen 25(3).

Pemberitahuan
surcraj.

27. Walau apa pun subseksyen 25(3) dan seksyen 26, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcraj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcraj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcraikan itu akan penarikbalikan itu.

Penarikbalikan
surcraj.

Mendapatkan surcaj.

28. Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen 25(3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 27 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan dan boleh didakwa dan diperdapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, diperdapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcajkan; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcajkan,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

Keanggotaan Lembaga dalam kes khas.

29. Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Ketua Pengarah, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 25 hingga 28 tidaklah termasuk Ketua Pengarah.

BAHAGIAN IV

PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN

Penubuhan pusat penyelidikan.

30. (1) Lembaga boleh menubuhkan dan menguruskan pusat penyelidikan bagi maksud penyelidikan dalam dan penyiasatan segala masalah dan perkara yang berhubungan dengan getah, keluaran getah dan industri getah.

Akta 407.

(2) Institut Penyelidikan Getah Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 hendaklah ditubuhkan semula, dikawal dan diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan hendaklah disifatkan sebagai suatu pusat penyelidikan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

Fungsi dan kuasa pusat penyelidikan.

31. (1) Fungsi pusat penyelidikan adalah —

- (a) untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah; dan
- (b) untuk mengadakan dan menjalankan latihan selaras dengan keperluan industri getah.

- (2) Pusat penyelidikan hendaklah mempunyai kuasa—
- (a) untuk mengakujaji aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah;
 - (b) untuk mentauliahkan mana-mana orang atau pertubuhan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah; dan
 - (c) untuk mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi penggunaan mana-mana kemudahan berhubungan dengan penyelidikan, penyiasatan, pengujian, nasihat teknikal, latihan atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh pusat penyelidikan.

32. (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau had yang ditentukan olehnya membenarkan akses kepada pusat penyelidikan dan kemudahannya, dan kepada dapatan penyelidikannya.

Akses kepada pusat penyelidikan, dsb.

(2) Tiada seorang pun boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana dapatan penyelidikan kecuali mengikut Akta ini.

33. Tiada seorang pun boleh mengeluarkan semula atau menerbitkan keseluruhan atau sebahagian daripada kandungan mana-mana dapatan penyelidikan kecuali—

Larangan terhadap pengeluaran semula atau penerbitan.

- (a) dengan kebenaran bertulis terdahulu Ketua Pengarah; dan
- (b) mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

34. (1) Maka adalah ditubuhkan, bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai "Kumpulan Wang Lembaga Getah Malaysia", yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

Kumpulan Wang.

- (2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—
- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan bagi maksud Akta ini oleh Parlimen;
 - (b) wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
 - (c) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
 - (d) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
 - (e) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
 - (f) wang yang didapati daripada perkhidmatan perunding, penasihat atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga dan pusat penyelidikan;
 - (g) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 37;
 - (h) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 57;
 - (i) wang yang dipungut oleh Lembaga di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang dinyatakan di dalamnya sebagai jumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang;
 - (j) wang yang diagihkan sebagai dividen daripada perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
 - (k) derma dan sumbangan yang diterima daripada dalam atau luar Malaysia dan termasuklah wang yang diterima daripada mana-mana kerajaan atau organisasi di luar Malaysia; dan
 - (l) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampungan dengan fungsi dan kuasanya.

35. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggung-jawabkan pada Kumpulan Wang.

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk fee dan kos guaman dan fee dan kos yang lain, dan saraan pegawai dan pengkhidmat Lembaga, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (b) membiayai aktiviti penyelidikan dan kemajuan;
- (c) menyumbang kepada pusat penyelidikan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (d) menyumbang kepada Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak;
- (e) menyumbang kepada pertubuhan atau organisasi getah antarabangsa yang Lembaga ialah anggotanya;
- (f) menyumbang kepada organisasi yang berhubungan dengan industri getah yang ditentukan oleh Menteri;
- (g) membiayai biasiswa untuk pendidikan tinggi yang diluluskan oleh Lembaga;
- (h) memberikan pinjaman kepada institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar Malaysia yang terlibat dalam pendidikan dan latihan ahli teknologi getah;
- (i) memberikan pinjaman kepada atau mengadakan modal bagi perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (j) membiayai pengendalian dan aktiviti Pasaran Getah Malaysia;
- (k) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini;

- (l) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperolehi tanah dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini;
- (m) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (n) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Pemeliharaan
Kumpulan
Wang.

36. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya pasti bahawa jumlah hasil Lembaga cukup untuk membayar semua jumlah wang yang dipertanggungjawabkan sepatutnya kepada akaun hasilnya termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Ses atas
getah dan
keluaran
getah.

37. (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah bagi pengenaan, pengubahan atau pembatalan ses atas getah dan keluaran getah yang dikeluarkan di atau dieksport dari Malaysia dan perintah itu boleh menentukan jenis, amaun dan kadar ses itu dan cara pungutan ses itu.

Akta 235.

(2) Kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya dalam mana-mana perintah sedemikian, ses itu hendaklah disifatkan bagi maksud pungutan dan penguatkuasaan pungutannya sebagai suatu duti kastam yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967.

(3) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan amaun, kadar dan cara pungutan yang berlainan bagi jenis atau gred getah dan keluaran getah yang berlainan.

(4) Seseorang yang tidak atau enggan membayar apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh kali amaun ses yang kena dibayar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Amaun apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya ses itu dikenakan dan boleh didakwa dan diperdapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga.

(6) Pemulaan prosiding di bawah seksyen ini tidak boleh melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar apa-apa ses yang baginya dia bertanggungjawab atau mungkin bertanggungjawab atau daripada liabiliti untuk membuat apa-apa penyata yang dia dikehendaki membuat oleh Akta ini.

38. Lembaga boleh menetapkan dan memungut fee dan caj lain berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan nasihat teknikal atau perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

Fee bagi perkhidmatan nasihat teknikal.

39. (1) Perbelanjaan Lembaga sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan

keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalamnya.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.
Akta 240

40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN LEMBAGA

Kuasa untuk meminjam.

41. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan.

42. (1) Wang Lembaga hendaklah, setakat yang ia tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, memperolehi dan membangunkan tanah dan harta bagi atau berkaitan dengan penjalanan kuasanya dan bagi maksud ini boleh membuat apa-apa rundingan, perkiraan atau perjanjian yang perlu untuk menghasilkan pendapatan yang dikehendaki bagi pengendalian Lembaga.

(3) Lembaga boleh mengadakan apa-apa dapatan penyelidikan yang terletak pada Lembaga bagi mana-mana orang atau pertubuhan tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran apa-apa fee atau royalti, jika ada, yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri, bagi maksud mengkomersilkannya.

43. Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk mentransaksikan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki ditransaksikan atau dilakukan dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya, penjalanan kuasa-kuasanya atau penunaian kewajiban-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk mengambil kerja ejen, dsb.

44. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan, memberikan pinjaman pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk memberikan pinjaman.

45. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu perbadanan, dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga, untuk menjalankan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dirancang atau diusahakan oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajiban-kewajipannya.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

(2) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

46. (1) Ketua Pengarah boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana pegawai Lembaga yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Pegawai Penguatkuasa untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.

Pemberian kuasa kepada pegawai.

(2) Seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah subseksyen (1) apabila bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya, dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau yang daripadanya dia menghendaki apa-apa maklumat kad kuasa yang diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa oleh pegawai itu.

Kuasa
penyiasatan.

47. Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Penggeledahan
dengan
waran.

48. (1) Jika Majistret mendapati atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa penyiasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis terdapat atau telah berlaku apa-apa pelanggaran Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran memberikuasa mana-mana pegawai diberikuasa yang dinamakan di dalamnya, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki premis itu, jika perlu dengan kekerasan, dan di sana—

- (a) menggeledah dan menyita apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang dipercayai dengan munasabah membekalkan keterangan mengenai pelanggaran Akta ini;
- (b) mengambil sampel apa-apa getah, keluaran getah atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen atau artikel lain yang dijumpai di premis itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita di bawah subseksyen (1), pegawai diberikuasa hendaklah, dengan apa-apa cara, menglak getah, keluaran getah,

benda, buku, dokumen atau artikel lain di premis itu atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(3) Adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang tanpa kuasa sah untuk memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau untuk memindahkan apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang dilak atau untuk mencuba untuk berbuat demikian.

(4) Seseorang pegawai diberikuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang dan apa-apa kelengkapan lain yang difikirkannya perlu.

(5) Seseorang pegawai diberikuasa boleh pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat demikian,—

- (a) memecahkan apa-apa pintu luar atau dalam premis itu dan masuk ke dalamnya;
- (b) memasuki premis itu dan tiap-tiap bahagiannya dengan menggunakan kekerasan;
- (c) memindahkan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan yang dia diberi kuasa melaksanakan dengan menggunakan kekerasan; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di premis itu sehingga tempat itu digeledah.

49. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain disita di bawah Bahagian ini, pegawai penyita hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menghantarserah sesalinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah di bawah seksyen 48, atau kepada ejen atau pengkhidmatnya, di premis itu.

Senarai
benda disita.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai penyita hendaklah bilamasa boleh melekatkan senarai benda yang disita di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Perlucuthakan
getah, dsb.
yang disita.

50. (1) Apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthak,

(2) Perintah bagi perlucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaannya dijalankan dan perintah bagi perlucuthakan getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu hendaklah diambil dan disifatkan dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian suatu notis ke alamat terakhir diketahui orang yang daripadanya getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu disita yang menyatakan bahawa tidak ada pendakwaan berkenaan dengan getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu, melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthak boleh secara sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada pegawai diberikuasa yang memegang getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu bahawa dia menuntutnya.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai diberikuasa hendaklah merujukkan perkara itu kepada Majistret untuk diputuskan.

(6) Majistret yang kepadanya suatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu dan orang yang daripadanya ia disita, hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, tetapi penyampaian saman dengan sewajarnya dibuktikan, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan mengenai perkara itu dan jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, hendaklah mengarahkan supaya ia dilucuthakkan dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian mengarahkan pelepasannya.

(7) Apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang dilucuthakkan atau yang disifatkan sebagai dilucuthakkan hendaklah dihantARSERAHKAN kepada pegawai diberikuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret itu.

(8) Jika apa-apa getah atau keluaran getah yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini bersifat mudah rosak atau cepat dan mudah reput atau jika jagaan getah atau keluaran getah itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tak munasabah, atau dipercayai menyebabkan halangan atau bahaya kepada orang awam, Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya getah atau keluaran getah itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu hendaklah dipegang untuk mematuhi hasil apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini.

(9) Lembaga tidak berliabiliti kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam kualiti apa-apa getah atau keluaran getah yang disita di bawah Akta ini.

Harta dalam getah, dsb. yang dilucuthak.

51. Apa-apa getah, keluaran getah atau hasil jualannya, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang dilucuthakkan, atau yang diambil dan disifatkan sebagai dilucuthakkan, di bawah Bahagian ini hendaklah menjadi harta Lembaga.

Kos memegang getah, dsb. yang disita.

52. Jika apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegang benda itu dalam jagaan hendaklah, dalam hal mana-mana orang yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah boleh diperdapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti-rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh diperdapatkan.

53. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa getah, keluaran getah, benda, buku, dokumen atau artikel lain yang disita pada menjalankan atau yang dikatakan pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti-rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan pegawai diberikuasa.

54. Mana-mana orang yang menghalang, merintang, menyerang atau mengganggu mana-mana pegawai diberikuasa dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VIII

AM

Pengawal-seliaan industri getah.

55. Industri getah Malaysia hendaklah dikawalselia mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Penalti am.

56. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

57. (1) Ketua Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu atas pembayaran suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Pengkompaunan kesalahan.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan itu dibuat.

58. (1) Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa kebenaran secara bertulis Pendakwa Raya.

Permulaan dan penjalanan pendakwaan.

(2) Mana-mana pegawai Lembaga yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Pegawai Penguatkuasa yang diberikuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

59. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, suatu Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Bidang kuasa membicarakan kesalahan.

Perlindungan pegawai.

60. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengari sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau dikatakan dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta ini jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai dengan munasabah bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan dicapai olehnya.

Kuasa untuk mengecualikan.

61. (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang atau apa-apa getah, keluaran getah, bahan penanaman getah atau benda lain atau kelas getah, keluaran getah, bahan penanaman getah atau benda lain, daripada sernua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut atas apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (1).

Peraturan-peraturan.

62. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan cara memohon lesen, perakuan, permit dan kelulusan di bawah Akta ini, butir-butir yang hendaklah dikemukakan oleh pemohon, cara melesenkan dan memperakukan, fee yang kena dibayar mengenainya, syarat atau sekatan yang hendaklah dikenakan dan borang atau borang-borang bagi lesen, perakuan, permit dan kelulusan;

- (b) menetapkan standard memproses dan kaedah memelihara, menggredkan atau membungkus getah dan keluaran getah, termasuk menetapkan tanda yang hendaklah dicapkan atau selainnya ditulis pada getah yang dibungkus untuk eksport;
- (c) menetapkan prosedur yang hendaklah diikuti oleh pengeksport dalam mengeksport getah dan keluaran getah;
- (d) mengadakan peruntukan bagi penyelenggaraan standard kelakuan yang sewajarnya dalam menjalankan dagangan getah dan industri getah dan bagi memperkatakan pelanggarannya;
- (e) menetapkan prosedur yang hendaklah diikuti untuk mentadbir Kumpulan Wang;
- (f) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (g) menetapkan fee dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara memungut dan mengganti bayar fee itu;
- (h) mengadakan peruntukan bagi mengawalselia semua atau mana-mana aktiviti Lembaga dan pada amnya bagi pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini; dan
- (i) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dicadangkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

63. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), segala perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang sebagai persediaan bagi atau dengan menjangkakan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah disifatkan telah diberikuasa di

Pengesahan
perbuatan
yang
dilakukan
dengan
menjangkakan
Akta.

bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dilakukan tidak tak konsisten dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperolehi atau ditanggung sebagai akibat perlakuan perbuatan atau benda itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga.

(2) Subseksyen (1) tidak memberikuasa perlantikan anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga kecuali setakat untuk memberikuasa perlantikan sementara orang sedemikian sehingga perlantikan sewajarnya dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan dan pembubaran.
Akta 401.
Akta 407.
Akta 84.
Akta 526.
Akta 475.

64. Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966 ("Akta dimansuhkan") adalah dimansuhkan dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Lembaga Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia ("Lembaga dibubarkan") dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia ("Institut dibubarkan") adalah dibubarkan.

Pemindahan kuasa, dsb.

65. Kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebelum tarikh ditetapkan merupakan kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan hendaklah dari tarikh itu turun kepada Lembaga.

Pemindah-milikan harta.

66. (1) Segala tanah yang sebelum tarikh ditetapkan terletak pada, atau disimpan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah bagi maksud, Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan hendaklah pada tarikh itu diletakhakkan pada atau disifatkan sebagai disimpan bagi maksud Lembaga.

(2) Segala harta dan aset selain daripada tanah yang sebelum tarikh ditetapkan terletak pada Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan atau pada mana-mana orang bagi pihak Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah pada tarikh itu diletakhakkan pada Lembaga.

67. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan bekerja yang wujud sebelum tarikh ditetapkan dan yang menyentuh apa-apa harta yang dipindahmilikan di bawah seksyen 66 hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Lembaga dan bolehlah dikuatkuasakan dengan kuasa dan kesan penuh seolah-olah, sebagai ganti Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan, Lembaga yang dinamakan di dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

Kontrak
sedia ada.

68. Segala wang dalam atau yang kena dibayar ke dalam kumpulan wang-kumpulan wang Lembaga dibubarkan yang ditubuhkan di bawah Akta dimansuhkan hendaklah pada tarikh ditetapkan dipindahkan ke dalam dan disifatkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 34 Akta ini.

Pemindahan
wang dalam
kumpulan
wang-
kumpulan
wang.

69. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan, pada tarikh ditetapkan, anggota Lembaga dibubarkan dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta dimansuhkan yang memegang jawatan sebelum tarikh itu hendaklah terhenti memegang jawatan.

Keanggotaan
Lembaga
dibubarkan.

(2) Tiada apa-apa dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan kebertanggungjawapan anggota Lembaga dibubarkan yang keluar dan dengan seberapa segera yang praktik selepas tarikh ditetapkan, Lembaga dibubarkan hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri laporan termasuk penyata kewangan yang dikehendaki di bawah Akta dimansuhkan masing-masing, tetapi laporan itu hendaklah terhad kepada tempoh dari 1 Januari tahun yang relevan hingga tarikh sebelum tarikh ditetapkan.

(3) Walau apa pun seksyen 64, Lembaga dibubarkan hendaklah terus wujud bagi maksud subseksyen (2).

Penerusan
pegawai dan
pengkhidmat.

70. Orang yang pada tarikh ditetapkan diambil kerja sebagai pegawai dan pengkhidmat Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta dimansuhkan hendaklah terus menjadi pegawai dan pengkhidmat Lembaga di bawah Akta ini seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah subseksyen 19(1) Akta ini atas terma dan syarat yang sama bagi tempoh yang akan habis tempoh pada tarikh yang padanya perlantikannya di bawah Akta dimansuhkan sepatutnya habis tempoh.

Kecualian
bagi
perakuan,
lesen dan
daftar.

71. (1) Walau apa pun pemansuhan di bawah seksyen 64 atau apa-apa peruntukan Akta ini yang berlawanan—

- (a) tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh ditetapkan, memegang perakuan pendaftaran eksport yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini sebagai pengeksport sehingga tarikh habis tempoh perakuan itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan di bawahnya;
- (b) tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh ditetapkan, memegang perakuan yang sah untuk membungkus atau mengkapalkan getah untuk dieksportkan yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini sebagai pembungkus atau pengeksport, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga tarikh habis tempoh perakuan itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan di bawahnya;
- (c) tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh ditetapkan, memegang lesen yang sah untuk berniaga dalam, membungkus, mengredkan atau mengkapalkan getah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah Akta ini sebagai peniaga, pembungkus, pengred atau pengapal, mengikut

mana-mana yang berkenaan, sehingga tarikh habis tempoh lesen itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan di bawahnya; dan

(d) tiap-tiap orang yang, sebelum tarikh ditetapkan didaftarkan di bawah Akta dimansuhkan sebagai pembungkus atau pengapal getah hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini sebagai pembungkus atau pengapal, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga pendaftaran itu dibatalkan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap perakuan atau lesen yang menurut kuasanya seseorang disifatkan di bawah subseksyen (1) sebagai didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai dikeluarkan di bawah Akta ini; dan Lembaga boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah perakuan atau lesen itu bagi maksud menyelaraskannya dengan dasar Lembaga mengenai penganan syarat dan sekatan atas pendaftaran dan pelesenan di bawah Akta ini.

(3) Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pembatalan pendaftaran dan lesen hendaklah terpakai kepada semua orang yang disifatkan di bawah subseksyen (1) sebagai didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta ini.

(4) Jika seseorang yang disifatkan sebagai didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta ini di bawah subseksyen (1) berhasrat didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta ini sebagai pengeksport, pembungkus, pengapal, penggred atau peniaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas habis tempoh yang baginya dia disifatkan didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta ini, dia boleh memohon kepada Lembaga untuk didaftarkan atau untuk diberikan lesen atau permit mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, walau apa pun apa-apa yang berlawanan, dan permohonannya hendaklah dibuat dan dianggap sebagai suatu permohonan baru dan bukan sebagai suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran, lesen atau permit.

(5) Semua daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta ini dan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripadanya.

Penerusan permohonan dsb. yang belum selesai.

72. (1) Segala permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau sebaliknya, yang belum diselesaikan oleh Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan di bawah Akta dimansuhkan hendaklah pada tarikh ditetapkan diuruskan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Segala permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau sebaliknya, yang belum diselesaikan oleh Menteri di bawah Akta dimansuhkan hendaklah pada tarikh ditetapkan diuruskan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(3) Segala suratcara, perakuan atau dokumen yang diserahkan-simpan dengan Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan di bawah Akta dimansuhkan sebelum tarikh ditetapkan hendaklah pada tarikh ditetapkan diserahkan-simpan dengan Lembaga.

Penerusan prosiding sivil dan jenayah.

73. (1) Tiada apa-apa pemansuhan di bawah seksyen 64 mahupun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta dimansuhkan sebelum tarikh ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan sedemikian.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebelum tarikh ditetapkan oleh atau terhadap Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana yang ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga dibubarkan, Institut dibubarkan atau orang sedemikian jika Akta ini tidak diperbuat.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh itu dalam apa-apa prosiding undang-undang yang kepadanya Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan menjadi pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Lembaga.

74. Sebutan dalam mana-mana undang-undang atau dokumen yang berkuatkuasa sebelum tarikh ditetapkan mengenai Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga.

Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan.

75. (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan, mencegah anomali atau berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang sedia ada yang difikirkannya patut.

Pencegahan anomali.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh ditetapkan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 3(3)]

1. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

Mesyuarat.

(2) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis bertulis hendaklah diberikan kepada anggota.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(4) Kuorum Lembaga ialah tujuh orang.

(5) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak mendapat satu undi.

(6) Jika atas suatu persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus,

Elaun.

2. Anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat.

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinnya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fee yang ditentukan oleh Lembaga.

Meterai biasa.

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa peranti yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Malaysian Rubber Board" atau "Lembaga Getah Malaysia" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Lembaga.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberikuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberika'n pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan.

5. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau

dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

6. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya, Minit

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala presiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga berkenaan dengan presiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau presiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa— Keesahan
perbuatan dan
presiding.

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 5 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

8. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri. Prosedur

9. Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu untuk menunaikan kewajibannya dengan berkesan. Anggota Lembaga
hendaklah
menumpukan
masa
kepada urusan
Lembaga.

10. Perlantikan tiap-tiap anggota dan anggota silih ganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*. Pertantikan
hendaklah
disiarkan.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 45(2)]

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 45, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan— Kuasa Lembaga
untuk membuat
peraturan-
peraturan
bekenaan dengan
perbadanan.

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;

- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.
- Batasan kuasa menubuhkan perbadanan.
2. Tiada apa-apa dalam perenggan 1 boleh disifatkan memberikuasa Lembaga membuat peraturan-peraturan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas skopnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk dalam hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.
- Kuatkuasa peraturan-peraturan.
3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 62, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.
- Pindaan peraturan-peraturan
4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.
- Daftar perbadanan
5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 45 dan daftar itu, berserta dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, adalah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.
- Penggulungan.
6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.
- (2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.
- (3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.
- Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan.
7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 45 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan

dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa peranti yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

Meterai biasa perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "PP" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966; membubarkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia; menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri getah Malaysia.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga Getah Malaysia.

Fasal 3 mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan objektif Lembaga sementara *fasal 4* memperkatakan fungsi dan kuasanya.

Fasal 5 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga.

Fasal 14 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan kepada Lembaga.

Fasal 15 menghendaki Lembaga mengemukakan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri dan mana-mana pihak berkuasa awam lain yang diarahkan oleh Menteri.

Fasal 16 bertujuan mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Lembaga.

Fasal 17 bertujuan memberi Lembaga kuasa menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan, termasuk suatu Jawatankuasa Pengurusan untuk menguruskan Pasaran Getah Malaysia.

4. Bahagian III mengandungi peruntukan mengenai Ketua Pengarah, pegawai dan pengkhidmat Lembaga.

Fasal 18 mengandungi peruntukan berkenaan dengan Ketua Pengarah.

Fasal 19 bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk melantik pegawai dan pengkhidmatnya. *Subfasal 19(3)* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmatnya.

Fasal 20 bertujuan memberi Lembaga kuasa memberi pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya.

Fasal 21 bertujuan mengadakan peruntukan bagi perwakilan kewajipan Ketua Pengarah.

Fasal 22 bertujuan memberi Lembaga kawalan tatatertib terhadap pegawai dan pengkhidmatnya dan bagi maksud ini Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa tatatertib.

Fasal 23 memperkatakan soal rayuan terhadap keputusan sesuatu jawatankuasa tatatertib.

Fasal 24 bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan tata tertib dan memperuntukkan bahawa peraturan-peraturan itu boleh mewujudkan kesalahan tata tertib dan memperuntukkan hukuman tata tertib.

Fasal 25 bertujuan membenarkan Lembaga mengenakan surcaj berkenaan dengan pegawai dan pengkhidmatnya dan menyatakan bila Lembaga boleh berbuat demikian.

Fasal 26 menghendaki Lembaga memberitahu orang yang akan dikenakan surcaj sementara *fasal 27* dan *28* masing-masingnya memperkatakan penarikbalikan surcaj dan soal memperdapatkan surcaj.

Fasal 29 memperkatakan keanggotaan Lembaga jika orang yang hendak disurcaj itu ialah Ketua Pengarah.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan.

Fasal 30 mengadakan peruntukan bagi penubuhan pusat penyelidikan. *Subfasal 30(2)* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan semula Institut Penyelidikan Getah Malaysia sebagai suatu pusat penyelidikan mengikut peruntukan Akta yang dicadangkan selepas pembubarannya untuk membolehkan nama baik yang berkaitan dengan Institut yang dibubarkan itu dinikmati oleh pusat penyelidikan itu.

Fasal 31 memperkatakan fungsi dan kuasa pusat penyelidikan.

Fasal 32 memperkatakan akses kepada pusat penyelidikan dan kemudahannya dan kepada dapatan penyelidikannya.

Fasal 33 melarang pengedaran semula dan penerbitan dapatan penyediaan kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Ketua Pengarah dan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

6. Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan kewangan.

Fasal 34 mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Kumpulan Wang dan *fasal 36* bertujuan mengenakan ke atas Lembaga kewajipan memelihara Kumpulan Wang itu.

Fasal 35 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang itu.

Fasal 37 memberi Menteri kuasa setelah berunding dengan Menteri Kewangan mengenakan dan memungut ses atas getah dan keluaran getah yang dikeluarkan di atau diekspor dari Malaysia.

Fasal 38 memberi Menteri kuasa mengenakan dan memungut fee dan caj lain berkenaan dengan perkhidmatan nasihat teknikal atau perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga.

Fasal 39 memperkatakan perbelanjaan dan penyediaan anggaran sementara *fasal 40* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta yang dicadangkan.

7. Bahagian VI memperkatakan kuasa dan fungsi lain Lembaga.

Fasal 41 mengadakan peruntukan bagi peminjaman wang oleh Lembaga dan *fasal 42* bertujuan membolehkan Lembaga melaburkan asetnya.

Fasal 43 memberi Lembaga kuasa mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank dan broker saham.

Fasal 44 memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan, memberikan pinjaman.

Lembaga juga dibenarkan menubuhkan perbadanan di bawah *fasal 45*.

8. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penyiasatan, keterangan dan kesalahan.

9. Bahagian VIII memperkatakan perkara am seperti pengawalseliaan industri getah, pengkompaunan kesalahan, pemulaan dan penjalanan pendakwaan di bawah Akta yang dicadangkan, bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, perlindungan pegawai, kuasa membuat peraturan-peraturan dan pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan Akta yang dicadangkan.

10. Bahagian IX mengandungi peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN.(U²)1915.]